

PENGABSAHAN MITOS KEGAGAHAN BADANG MELALUI METAFORA: ANALISIS TEORI RELEVANS

(The Validation of the Myth of Badang's Power through Metaphor: A Relevance Theory Analysis)

Maizura Osman*
maizuraosman@yahoo.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 5 Jun 2020

Sila rujuk: Maizura Osman dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang melalui Metafora: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20 (1), 49-78.

Abstrak

Mitos yang dicipta melalui metafora mempunyai unsur tersirat untuk tujuan pengabsahan, iaitu mengesahkan kedudukan raja dan kerajaan Melayu sebagai sebuah kerajaan yang hebat dan berdaulat. Mitos ini juga bertindak mengesahkan asal usul raja-raja Melayu sebagai susur galur keturunan yang mulia dan dihormati. Artikel ini memberikan fokus pada analisis makna metafora yang disampaikan oleh pengarang Melayu tradisional melalui kisah mitos kegagahan Badang. Analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan teori Relevans (TR), iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep *ad hoc*. Data yang digunakan diambil daripada teks *Sulalat al-Salatin* (1997). Daripada sejumlah 26 data mitos yang dikeluarkan daripada teks, tiga data digunakan dalam analisis ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mitos kegagahan Badang membawa makna pengabsahan terhadap kedaulatan, kemerdekaan dan pengiktirafan yang diterima oleh susur galur raja dan kerajaan Melayu. Kisah yang dianggap mitos dan bersifat selapis

ternyata mempunyai lapisan metafora yang tersirat maknanya. Makna sebenar metafora pengabsahan ini hanya dapat diinterpretasikan melalui analisis yang bersifat teoretis dan berpada. Melalui analisis yang dilakukan, didapati pengarang Melayu tradisional mempunyai kebijaksanaan dalam penyampaian mesej secara kiasan melalui mitos yang tersulam bersama sejarah.

Kata kunci: metafora, raja-raja Melayu, mitos, Teori Relevans, *Sulalat al-Salatin*

Abstract

Myths created to be metaphors have an element of implicitness, that is, to validate the position of the rulers and the Malay kingdoms as supreme and sovereign states. Such myths also function to validate the origins of the Malay rulers as coming from a noble and honoured lineage. This article analyses the metaphor created by the authors of traditional Malay literature in creating the myth of the powerful character Badang. The analysis was carried out using the Relevance Theory (RT) approach using the Bridging Cross-Reference (BCR) framework and the concept of ad hoc. The data used was obtained from the text of the Sulalat al-Salatin (1997). From a total of 26 data items extracted from the text, three items were used in this analysis. The findings of the study show that the myth of Badang's power is meant to validate the power, sovereignty and recognition given to the lineage of the Malay rulers and the Malay kingdoms. This myth, which is often taken to be one-dimensional, thus clearly contains layers of meaning which can only be discerned through a suitable analysis using the appropriate theory. The analysis shows that the authors of traditional Malay literature possessed great wisdom and were able to convey hidden messages in myths interwoven with history.

Keywords: metaphor, Malay kingdoms, myth, Relevance Theory, Sulalat al-Salatin

PENDAHULUAN

Karya Melayu tradisional sering kali dikaitkan dengan unsur mitos yang tersulam bersama-samanya. Pengkaji Barat bahkan bersikap prejudis terhadap karya tradisional masyarakat Melayu ini sehingga dianggap sebagai karya yang tidak bermutu dan berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Mereka bersikap prejudis sehingga menuduh masyarakat Melayu

sebagai “*semi-barbarous nation who do not know what history was all about*” (Maier, 1988, p. 16). Kenyataan ini menunjukkan kedangkalan mereka mentafsirkan dan memahami karya pengarang Melayu tradisional. Bukan sekadar itu, Bottoms (1962) merendahkan konsep sejarah masyarakat Melayu sebagai bersifat hiburan dengan unsur-unsur legenda dan fantasi semata-mata.

Namun demikian, pengkaji tempatan sebaliknya melihat karya Melayu tradisional ini mempunyai fungsi yang sangat signifikan kepada masyarakat Melayu khususnya. Karya ini mempunyai tiga tujuan dalam masa yang sama, iaitu untuk memaklumkan, mendidik dan menghiburkan (Ding, 2009; Hussain, 2009). Karya ini juga boleh dianggap sebagai ensiklopedia kehidupan masyarakat Melayu serta raja dan kerajaannya. Di dalamnya terkandung pelbagai maklumat dalam pelbagai aspek seperti susur galur pemerintahan, politik, perundangan, hubungan diplomatik, adat, agama dan kesenian serta pelbagai lagi.

Walau bagaimanapun, pengarang Melayu pada zaman tersebut terkekang oleh sistem pemerintahan feodal, iaitu raja berkuasa penuh terhadap rakyat sehingga tiada sebarang kritikan atau teguran kepada golongan atasan boleh dibuat. Selain itu, penjagaan bahasa dan budi bahasa juga sangat diambil berat oleh pengarang. Atas faktor ini, pengarang telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan kebenaran yang sukar dinyatakan secara terang-terangan melalui bahasa kiasan dan mitos. Cerita-cerita yang menjatuhkan air muka dan boleh menyinggung perasaan pemimpin negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan Melayu juga dikiaskan melalui kisah mitos yang hanya dapat ditafsirkan melalui interpretasi yang mendalam dan memahami makna implisit. Muhammad (2006, p. 336) menggambarkan kod kepengarangan dan teknik penceritaan melalui kiasan dan mitos itu sebagai:

All literary pieces are alternative vehicles on the long and difficult trail towards narrating truth. They provide not the straight route, but also the richer artistic detours that help interpret reality in more appealing ways and make reception all the more enjoyable. Helped along by traditional literary devices, they partake in almost all literary narration and benefit from time-tested techniques.

Kesemua karya sastera merupakan saluran alternatif dalam laluan yang panjang dan berliku dalam menyampaikan kebenaran. Naskhah-

naskah ini tidak menyediakan jalan yang lurus, tetapi bersimpang siur dan kaya dengan kesenian bagi membolehkan kebenaran diinterpretasikan dengan lebih menarik, serta menjadikan kebenaran itu diterima dengan lebih menyeronokkan. Dengan dibantu oleh kesusasteraan tradisional, kesemua ini wujud dalam naratif kesusasteraan dan telah terbukti dengan peredaran zaman.

Kajian ini meneliti cara pengarang memainkan peranan mitos sebagai metafora untuk mengukuhkan kepercayaan rakyat khususnya dan khalayak pembaca umumnya. Keyakinan yang dipasakkan menerusi mitos ini adalah tentang asal usul raja Melayu daripada keturunan raja yang berdaulat dan susur galur kerajaan Melayu juga adalah daripada kerajaan yang kuat, hebat dan diiktiraf. Fokus kajian ini tertumpu pada kisah mitos kegagahan Badang yang berlatarkan Singa Pura, iaitu kerajaan Melayu awal sebelum kerajaan Melaka. Data yang digunakan ialah teks *Sulalat al-Salatin (SAS)* kajian Muhammad Haji Salleh (1997). Analisis dilakukan menggunakan teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995) melalui Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep *ad hoc*.

CIRI-CIRI KEDAULATAN KERAJAAN MELAYU TRADISIONAL

Mitos yang terdapat dalam cerita perihal Badang ini memaparkan unsur metafora yang mempunyai makna tersirat yang berfungsi mengesahkan kedudukan raja dan kerajaan Melayu sebagai sebuah kerajaan yang sah dan berdaulat.

De Jong (1964, pp. 235-241) telah mengeluarkan lapan ciri *SAS* hasil pemerhatiannya. Menariknya, tiga daripada ciri tersebut adalah berkaitan dengan asal usul dan kedudukan raja serta kedudukan Melaka sebagai sebuah negeri beraja. Antara ciri-ciri tersebut termasuklah, pertama teks *SAS* mengandungi hampir keseluruhan salasilah raja-raja Melayu. Kedua, *SAS* memaparkan aspek ideologi bangsa Melayu, ketaatan dan kepatuhan yang tidak berbelah-bahagi kepada raja. Ketiga dan juga ciri utama *SAS* yang dapat dikenal pasti ialah kandungan teks ini secara keseluruhannya menceritakan kisah-kisah tentang pemimpin Melaka.

Ciri-ciri tersebut tidak bertentangan dengan penjelasan Syed Muhammad Naquib al-Attas, (2011) berkenaan pengertian sejarah, iaitu sejarah (*history*) dalam masyarakat Melayu tradisional memfokus kepada “pohon salasilah” (*genealogical tree*) dan bukannya *tārīkh*, iaitu “aspek

kronologi dalam sejarah” (*chronological aspect of history*). Hal ini selari dengan permintaan sultan supaya pengarang *SAS* menghasilkan sebuah karya yang di dalamnya termuat segala salasilah raja-raja Melayu lengkap dengan adat istiadatnya sekali. Hikayat ini juga bukan dicipta sekadar hiburan tetapi bertujuan supaya diketahui, dijadikan rujukan dan diambil manfaat daripadanya oleh generasi yang akan datang. Petikan berikut merupakan titah sultan seperti yang tercatat dalam *SAS*, bab yang pertama.

Demikian bunyinya tita(h) Yang Maha Mulia itu, “Bahawa hamba minta’ diperbuatkan hikayat pada bendahara perteturun segala raja-raja Melayu dengan isti’adatnya, supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadan beroleh fa’edahlah mereka itu daripadanya”

(Muhammad, 1997, pp. 3-4)

Walaupun tujuan teks ini dikarang adalah untuk mengabsahkan susur galur dan salasilah raja-raja Melayu, namun secara umumnya *SAS* bukanlah bertujuan untuk memuji raja-raja secara individu sebaliknya mengangkat dan menjulang kerajaan dan wangsa Melayu itu sebagai sebuah pemerintahan yang makmur dan berdaulat. Sehubungan itu, pengarang *SAS* memerihalkan dirinya memikul tanggungjawab yang sangat berat dalam penghasilan sebuah hikayat yang begitu besar fungsinya. Beliau perlu menggunakan kemahiran mengarangnya secara optimum demi mematuhi arahan raja dan dalam masa yang sama memenuhi hasrat baginda supaya karya tersebut dapat memberikan manfaat kepada rakyat dan keturunan baginda seterusnya.

SOROTAN KAJIAN

Kajian perihal metafora yang terdapat dalam mitos telah banyak dilakukan oleh para pengkaji daripada pelbagai bidang. Namun begitu, selain membawa fungsi pengabsahan, metafora mitos juga boleh membawa fungsi lain misalnya kritikan. Oleh itu, dalam makalah ini, kajian terdahulu yang melihat metafora dalam mitos akan disoroti.

Menurut Yusoff (1986, pp. 140-164), pengarang Melayu tradisional mengarang karya mereka dengan penuh sedar dan mempunyai niat yang jelas apabila mereka memasukkan unsur mitos ke dalamnya. Malahan, kisah mitos ini mempunyai tujuan yang bermanfaat untuk raja, rakyat

dan pihak pengarang sendiri. Antara lain, kisah Raja Iskandar Zulkarnain dalam *SAS* bukanlah untuk memaparkan kehebatannya semata-mata. Sebaliknya, kehebatan itu dikembalikan kepada raja-raja Melayu yang didakwa berasal daripada susur galur keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Masyarakat Melayu terdidik untuk menumpahkan taat setia kepada golongan raja kerana mereka percaya bahawa raja-raja Melayu berasal daripada keturunan raja yang hebat dan berdaulat. Rakyat juga yakin bahawa hanya pemimpin yang berdaulat dan mempunyai kuasa yang sah dapat menjadi tempat mereka berlindung.

Kamaruddin (2007) dalam artikelnya *Minda Orientalis dan Minda Pascakolonial: Politik Membaca Hikayat Hang Tuah* menyatakan bahawa mitos dalam *Hikayat Hang Tuah (HHT)*, iaitu sebilah keris sakti ditafsirkan sebagai satu bentuk perlambangan. Kelahiran sebilah keris sakti telah dicipta kisahnya oleh pengarang *HHT* dengan panjang lebar dan terperinci. Seterusnya kisah-kisah yang berlaku selepas kemunculan keris tersebut menjadi inti kepada *HHT*. Buktinya, sebahagian besar kandungan hikayat ini berkisarkan perebutan, penguasaan dan penggunaan keris ini. Makna tersirat dalam pemilikan keris daripada keris biasa hinggalah kepada keris hikmat menunjukkan bahawa keris ialah perlambangan budaya yang amat bermakna kepada pengarang dan masyarakat Melayu tradisional. Penulis melihat keris sebagai lambang “budaya politik” masyarakat zaman tersebut.

Menurut Kamaruddin (2007) lagi, sebilah keris hikmat seperti Taming Sari bukanlah membawa makna secara literal sebagai sebilah senjata yang mengakibatkan kematian dan kekalahan zahir (ada pihak yang membunuh dan terbunuh) semata-mata, tetapi juga membawa entiti abstrak yang memberikan simbol, penanda atau kod kepada suatu sistem makna dalam masyarakat tersebut. Makna tersirat yang dapat difahami melalui sebilah keris ini ialah kuasa dan kuat kuasa serta keabsahan dan kedaulatan, kesetiaan dan penderhakaan, kemuliaan dan kezaliman serta amalan pemerintahan, keagungan mahupun kejatuhan kerajaan dan masyarakatnya. Segala makna ini dapat ditafsirkan melalui segala tindakan watak untuk menguasai dan memiliki keris tersebut. Penulis menekankan bahawa dalam *HHT*, keris telah diangkat dengan pengertian yang istimewa. Misalnya, keris Taming Sari bukan sahaja menjadi penyebab kehebatan Hang Tuah, malah nilai keris tersebut disamakan dengan sebuah negeri apabila Patih Gajah Mada berhajat untuk mencuri keris tersebut agar kerajaan Majapahit berupaya melawan Melaka. Selain

itu, raja Melaka juga telah menitahkan agar keris Taming Sari milik Hang Tuah diambil daripada beliau semasa beliau dijatuhi hukuman bunuh. Seterusnya, keris tersebut dianugerahkan pula oleh raja Melaka kepada Hang Jebat yang kemudiannya memberontak dan menderhaka kepada raja. Hang Jebat berasa hebat apabila keris Taming Sari berada dalam tangannya dan berandaian tiada sesiapa lagi dapat membunuhnya kerana Hang Tuah telah meninggal dunia.

Penulis juga berpendapat keris Taming Sari merupakan penanda dan lambang kekuatan negeri Melaka dan kepahlawanan Hang Tuah sendiri. Hal ini dapat ditafsirkan melalui episod-episod Hang Tuah berjuang demi kemakmuran, kekuatan dan kegemilangan Melaka. Hang Tuah melalui semua cabaran ini dengan adanya keris Taming Sari sebagai pendamping beliau. Oleh itu, keris merupakan lambang kekuatan dalam budaya sosiopolitik masyarakat Melayu pada waktu tersebut. Keris sakti, episod-episod yang melibatkan keris tersebut serta kepahlawanan Hang Tuah merupakan kisah yang berunsur mitos, dan inilah metafora yang tidak dapat difahami dengan sebaik-baiknya oleh mereka yang tidak mempunyai latar belakang budaya dan kepercayaan serta jati diri yang sama dengan pengarang hikayat tersebut.

Harun (2004) telah menyentuh perihal mitos dalam bukunya *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik* dalam dua bab, iaitu yang pertama dalam bab prosa lisan Melayu yang menyentuh tentang mitos sejagat dan mitos dalam kesusasteraan Melayu. Harun juga menghuraikan fungsi mitos dalam teks *SAS* secara spesifik. Harun telah menyenaraikan fungsi mitos yang dapat ditafsirkan secara tersirat, antaranya adalah untuk menunjukkan kebesaran dan keagungan keturunan raja-raja Melayu. Keluarbiasaannya yang berlaku terhadap golongan atasan ini, misalnya berasal daripada benda-benda yang ganjil seperti mayang pinang, buluh dan buih serta menyebabkan padi berbuah emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa dapat mendorong rakyat untuk mempercayainya dan menumpahkan taat setia kepada raja.

Menurut Harun (2004) lagi, mitos juga berfungsi menggambarkan kekuatan serta kelebihan sesebuah negeri atau tempat. Contoh paling masyhur ialah kebertuhan negeri Melaka yang dilambangkan melalui peristiwa pelanduk putih mengalahkan anjing perburuan raja. Selain itu, mitos juga berperanan untuk meninggikan martabat atau kedaulatan raja seperti kisah Maharaja China yang kedal akibat menerima sembah raja Melaka. Ketokohan ilmuwan atau agamawan juga diceritakan melalui

mitos misalnya keupayaan Tun Jana Khatib membelah batang pinang melalui tilikan mata.

Penginterpretasian metafora dalam mitos turut dilakukan oleh Ahmad Sarji (2011). Penulis berpendapat *HHT* ialah sejarah orang-orang Melayu dalam bentuk kiasan. Perlakuan kiasan dalam *HHT* biasanya berlaku dalam bentuk pengembaraan, pertarungan dan perjuangan. Dalam penceritaan ini, watak-watak kiasan tersebut akan menempuhi rintangan dan sasaran yang ingin dicapai. Ahmad Sarji melihat penceritaan ini akan melahirkan susunan serta nilai dalam masyarakat secara beransur-ansur. Metafora ini berperanan mengesahkan dan menguatkan lagi kepercayaan masyarakat, misalnya dalam pertarungan antara Tuah dan Jebat, masyarakat diajar tentang kebaikan melawan keburukan serta nilai-nilai positif. Aksi dan adegan simbolik dan ajaib dalam *HHT* berperanan menerangkan watak dan motivasi Hang Tuah sebagai seorang tokoh perlambangan. Satu kajian yang dilakukan menggunakan pendekatan sosiologi sastera (Norazimah *et al.*, 2019) turut mendapati fungsi mitos adalah untuk memperkukuh kepercayaan rakyat kepada raja dan pemerintah dengan menimbulkan rasa kagum, takjub, seterusnya memperkuat rasa percaya dalam kalangan rakyat terhadap raja mereka. Mitos juga bertindak menyampaikan kebenaran dan sebab akibat selain menjadi hiburan kepada masyarakat pada waktu tersebut.

Kajian lain tentang metafora mitos dengan fungsi pengabsahan dilakukan oleh Hassan (2016). Menurut Hassan (2016) metafora ialah kaedah akal manusia mencipta makna yang berbentuk konseptual dan abstrak menggunakan bahasa literal untuk menyampaikan makna, mesej dan pandangan hidup. Metafora tidak terhad kepada bentuk kata, peribahasa dan pantun semata-mata, tetapi cara berfikir ini turut disampaikan melalui bentuk cerita atau wacana. Kaedah ini digunakan untuk menerangkan fenomena alam dan diri manusia itu sendiri, misalnya tentang asal usul, kelahiran, kematian, makhluk seperti haiwan, gunung, laut, langit, hujan dan sebagainya. Melalui pemikiran dan penyampaian ini, maka terbentuklah sistem kepercayaan yang dinamakan “kepercayaan rakyat” bersifat “prasaintifik”. Hasil teori kepercayaan ini, lahirlah mitos atau mitologi.

Hassan (2016) menghuraikan metafora besar tentang jati diri orang Melayu yang disampaikan melalui *SAS* dan *HHT*. Melalui *HHT*, pengarang menyampaikan imej Melayu atau visi “Melayu tidak akan hilang di dunia” selepas Melaka ditawan oleh Portugis. Pengarang menggunakan

tiga metafora simbolik, iaitu tidak mematikan raja Melaka, Bendahara, Temenggung dan Hang Tuah pada akhir hikayat. Dapat difahami, di sebalik umur panjang yang melebihi kemampuan manusia biasa tersebut, pengarang sebenarnya ingin menyampaikan mesej bahawa kedaulatan Melayu tidak pernah mati malah tetap kekal sepanjang zaman. Bendahara, temenggung dan laksamana masing-masing mewakili sistem pentadbiran Melayu, institusi keselamatan dan pertahanan negara juga tidak mati. Yang mati hanyalah manusia yang memegang jawatan itu, tetapi bukan sistem dan kedaulatan negeri.

Seterusnya, Hassan (2016) melihat mitos yang terdapat dalam *SAS* membawa metafora tentang imej Melayu sebagai bangsa yang cintakan kebebasan dan tidak rela diri atau negeri mereka menyembah kuasa atau kerajaan asing. Mesej ini disampaikan melalui episod rombongan Melaka belayar ke negeri China dan juga mitos raja China yang terkena penyakit kedal hanya sembuh selepas minum dan mandi air basuh kaki raja Melaka. Secara literalnya, episod ini hanyalah mitos yang dicipta oleh pengarang kerana seolah-olah tidak munasabah, namun penulis dapat mencungkil metafora di sebaliknya, iaitu bangsa Melayu tidak mahu menyembah mana-mana raja atau kuasa asing tetapi bersedia untuk menjalinkan hubungan yang muafakat dan berkasih sayang.

Metafora dalam mitos yang ketiga dapat dilihat menerusi *HHT* juga, apabila pengarang mencipta watak Hang Tuah sebagai seorang adiwira Melayu yang kehebatannya melebihi manusia biasa. Hassan (2016) menyenaraikan sifat luar biasa Hang Tuah seperti berilmu, berbudaya tinggi, beradat, berintegriti, berani, gagah dan paling istimewa ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada negeri dan raja. Mesej yang ingin disampaikan melalui watak Hang Tuah yang serba sempurna ini ialah sifat tersebutlah sepatutnya ada pada seorang yang bernama Melayu untuk menjaga maruah bangsanya, dan mempertahankan kedaulatan negaranya. Akal budi dan citra Melayu ternyata lebih berkesan apabila disampaikan melalui cerita berbentuk metafora yang menggunakan mitos sebagai alatnya.

Hassan (2016) membuat kesimpulan bahawa teks Melayu tradisional bukanlah cerita biasa tetapi naratif budaya yang memaparkan makna tersurat dan tersirat. Mitos itu wujud dalam ruang mental pengarangnya dan membawa makna konseptual, iaitu mitos yang terdapat dalam teks tersebut berfungsi sebagai alat kognitif pengarangnya untuk membentuk metafora atau visi yang besar, iaitu imej Melayu dan kuasa serta kedaulatan Melayu yang sentiasa kekal walaupun selepas kejatuhan Melaka kepada Portugis.

Selain berfungsi sebagai pengabsahan, mitos juga dapat difahami secara metafora membawa maksud kritikan. Kajian Maizura dan Nor Hashimah (2013, pp. 131-148) melihat kedua-dua fungsi ini dalam analisis yang dilakukan. Data diambil daripada *SAS* dan *HHT* dan analisis dilakukan menggunakan TR. Fungsi pengabsahan terhadap raja dan kerajaan Melayu dapat diinterpretasikan melalui kisah mitos susur galur keturunan raja-raja Melayu. Mitos yang berlaku ialah padi Uwan Empuk dan Uwan Malini bertukar menjadi emas, daunnya berubah menjadi perak dan batangnya menjadi kuasa apabila tiga orang anak raja turun ke Bukit Seguntang. Maizura dan Nor Hashimah menggunakan analisis TR dalam menginterpretasikan mitos ini dan dapatan analisis menunjukkan bahawa secara metaforanya, mitos ini bertindak mengangkat martabat raja-raja Melayu, memelihara kedaulatan institusi diraja serta mempengaruhi masyarakat agar menumpahkan taat setia kepada raja dan pemerintah. Mitos ini secara tersiratnya menunjukkan bahawa raja-raja Melayu berasal daripada keturunan raja berdaulat, gagah, berani dan bersifat sebagai pelindung rakyat jelata.

Melalui mitos jatuhnya mahkota sultan ke dalam laut dan keris taming sari disambar oleh buaya putih pula, mitos tersebut diinterpretasikan sebagai satu bentuk metafora yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan kebenaran kepada khalayak. Makna yang dapat ditafsirkan juga berbentuk kritikan terhadap sikap raja dan pemerintah yang terpesona dengan harta dan kekayaan yang ditawarkan oleh pihak asing. Sikap tamak ini akhirnya telah mengakibatkan Melaka jatuh dan dijajah.

Kisah mitos Singa Pura dilanggar tidak pula diketengahkan dalam kajian Maizura dan Nor Hashimah (2014) untuk diinterpretasikan. Dalam kajian ini, metafora dalam mitos tersebut didapati membawa makna kritikan, iaitu kritikan terhadap sikap raja yang tidak mampu bertindak dengan bijaksana menghadapi ancaman musuh, malah mementingkan diri sendiri serta zalim terhadap rakyat. Kejadian Singa Pura diserang tidak itu setelah dianalisis dan diinterpretasikan, menghasilkan dapatan, iaitu kisah tersebut merupakan kiasan atau ketersiratan kepada punca kejatuhan Singa Pura itu sendiri. Maizura dan Nor Hashimah menyimpulkan bahawa pengarang *SAS* menggunakan mitos untuk mengkritik sikap raja dan pemerintahan Singa Pura pada waktu terbabit.

Kajian Maizura dan Nor Hashimah (2018) pula mendapati bahawa kritikan terhadap raja disampaikan oleh pengarang melalui mitos peminangan Puteri Gunung Ledang. Mitos yang masyhur ini dianalisis

dengan teliti, dan dapatan kajian menunjukkan setiap syarat yang diberikan oleh Puteri Gunung Ledang semasa menerima kunjungan peminangan daripada sultan merupakan metafora yang tersirat. Sikap sultan yang mudah terpesona dengan wanita, sanggup menyusahkan rakyat demi diri sendiri dan sikap mementingkan diri dan kerabatnya sahaja telah dikritik oleh pengarang *SAS* dengan penuh bijaksana. Mitos dilihat sebagai satu medium yang sangat sesuai untuk memaparkan kisah sebenar sultan, kerana sistem feudal tidak membenarkan sebarang bantahan dibuat terhadap raja.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bagi makalah ini, data yang dipilih untuk dianalisis ialah mitos kegagahan Badang. Menurut rentetan cerita dalam *SAS*, kisah Badang hadir dalam bab V berlatarkan Singa Pura. Badang asalnya seorang manusia biasa yang juga hamba kepada orang Sayung dan tugasnya ialah menebas dan membersihkan hutan. Kisah bermula apabila Badang menahan lukah di Sungai Besisik, dan dia kehairanan apabila setiap hari lukahnya kosong tetapi tulang dan sisik ikan ada tertinggal. Suatu hari, Badang mengintip lukahnya dan mendapati seekor hantu makan ikan tersebut. Badang telah menangkap hantu itu dan sebagai pertukaran untuk melepaskan diri, hantu tersebut berjanji untuk menunaikan apa-apa sahaja permintaan Badang, dengan syarat Badang mestilah makan muntahnya. Yang berikut dipaparkan data berkaitan mitos kegagahan Badang dalam *SAS*:

Data Utama

Setelah demikian maka kata Badang pada hantu itu, “Berilah aku gagah dan kuat supaya segala kayu yang besar-besar itu kubantunkan juga patah dan segala kayu yang sepemeluk dua pemeluk itu dengan sebelah tanganku juga kubantunkan.”

Maka kata Badang itu, “Baiklah. Mutahlah engkau supaya kumakan.”

Maka hantu itu pun mutahlah, terlalu banyak mutahnya itu. Maka dimakannya oleh Badang mutah hantu itu, habis semuanya. Tetapi janggut hantu itu dipegangnya juga, tiada dilepaskan. Setelah sudah ia makan mutah hantu itu maka dicubanya oleh Badang. Dibantunnya segala kayu besyar-besyar itu, semuanya habis patah. Maka dilepaskannya janggut hantu itu. Maka Badang itu pun

berjalanlah ke tebingan tu{h}annya. Maka segala kayu besar-besarnya itu semua habis dibantunnya dan habis patah-patah dan segala kayu yang sepelemuk dua pemeluk itu pun dengan sebelah tangannya juga dicabutnya, semuanya terbantun dengan akar-akarnya; dan segala kayu yang kecil-kecil itu semua dikipaskannya dengan tangannya juga, habis berpelanting. Maka dengan sesa'at itu juga rumput yang besar itu habis menjadi padang, tiada terkira-kira lagi luasnya.

Setelah dilihatnya oleh tuannya maka kata tuannya, "Siapa menebang perhumaan kita ini? Bangat amat suci."

Maka kata Badang, "Beta menebang dia."

Maka kata tuannya, "Betapa perinya engkau menebang dia maka bangat amat suda(h)nya ini, dengan luasnya saujana mata menentang?" Maka oleh Badang segala perihal ehwalnya semuanya dikatakannya kepada tuannya. Maka oleh tuannya Badang itu dimerdehekakannya.

Setelah terdengarlah oleh baginda Seri Rana Wikrama maka disuruh baginda panggil Badang itu, dijadikan baginda hulubalang. Ialah yang dititahkan baginda meretangkan rantai yang menjadi batu rantai segala orang itu supaya kapal jangan beroleh lalu dari Singa Pura.

Data Tambahan I

Setelah kedengaranlah ke Benua Keling ada hulubalang Raja Singa Pura, Badang namanya, terlalu gagah. Adapun pada Raja Benua Keling pun ada seorang pahlawannya, terlalu gagah. ...Maka titah Raja Benua Keling pada pahlawan itu, "Pergilah engkau ke Singa Pura, lawan olehmu hulubalang Singa Pura itu bermain.

...Maka baginda Seri Rana Wikrama pun keluar diadap orang. Maka pahlawan Keling itu pun mengadap. Maka disuruh raja bermainlah dengan Badang. Maka Badang mainnya, tewas juga pahlawan Keling itu oleh Badang. Maka ada sebuah batu di hadapan balairung itu, terlalu amat besar. Maka kata pahlawan Keling pada Badang itu, "Marilah kita berkuat-kuatan mengangkat batu itu. Barang siapa tiada terangkat olehnya, alah."

Maka sahut Badang, "Baiklah, angkatlah oleh tuan hamba dahulu." Maka diangkatnyalah oleh pahlawan Keling itu, tiada terangkat.

Maka disungguh-sungguhinya, terangkat batu itu hingga lututnya, lalu diempaskannya.

Maka katanya kepada Badang, “Sekarang pergantian tuan hambalah.”

Maka kata Badang, “Baiklah.” Oleh Badang batu itu diangkatnyalah, batu itu lalu dilambungnyanya seraya dilemparkannya ke seberang kuala Singa Pura. Itulah batunya yang ada sekarang; ada pada ujung tanjung Singa Pura itu. ...Maka pahlawan Keling itu pun kembali dengan dukacitanya sebab kemaluan alah melawan oleh Badang itu.

Data Tambahan II

Hatta maka kedengaranlah ke Perlak bahawa hulubalang Raja Singa Pura itu terlalu amat gagah, Badang namanya. Tiada ada samanya pada zaman ini. Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini bahawa pada Raja Perlak pun ada pahlawan, Bendarang namanya, terlalu gagah kenamaan.

...Maka sembah Bendarang pada Raja Perlak, “Tuanku, masakan Badang itu gagah daripada yang diperhamba? Jikalau dengan titah tuanku supaya hamba pergi ke Singa Pura melawan Badang itu bermain.”

Maka titah Raja Perlak, “Baiklah engkau pergi ke Singa Pura.”

...Maka dipersembahkan oranglah kepada Raja Singa Pura, “Tuanku, Tun Perpatih Pandak, mangkabumi Raja Perlak datang membawa Bendarang namanya, pahlawan Raja Perlak. Disuruh baginda mencuba kuat dengan Badang.”

...Maka baginda Seri Rana Wikrama pun menyuruh memanggil Badang. Maka Badang pun datang mengadap. “Esok harilah, Badang, kita adu bermain dengan Bendarang.” Maka sembah Badang, “Tuanku, akan Bendarang pada zaman ini pahlawan gagah, bukan barang-barang perkasyanya, termasyhur pada segala negeri. Jikalau patik alah, tiadakah Duli Yang Dipertuan malu? Pada fikir patik jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mengadu patik dengan dia, baik ia dipanggil pada malam ini, dianugerahi ayapan, supaya patik melihat kelakuannya. Jikalau dapat patik lawan, patik melawan dia, jikalau tiada dapat, tuanku tegah kelak patik, jangan diberi main dengan dia.”

...Adapun Bendarang hampir duduk di sisi Badang. Maka oleh Badang didesaknya Bendarang, maka oleh Bendarang ditindihnya paha Badang dengan pahanya, ditekankannya sungguh-sungguh. Maka oleh Badang ditindihnya pula paha Bendarang. Maka oleh Bendarang hendak diangkatnya pahanya, tiada terangkat.


...Maka sembah Badang, “Tuanku, jikalau dengan daulat Duli Yang Dipertuan dapatlah patik melawan dia. Esok hari tuanku adulah patik dengan dia.”

...Adapun Tun Perpatih Pandak, setelah sampai ke perahu, maka Bendarang berkata pada Tun Perpatih Pandak, “Jikalau dapat dengan bicara tuan hamba janganlah hamba diadu dengan Badang, kalau tiada terlawan oleh hamba, karena ia, pada pemandangan hamba, terlalu perkasa.”

...Maka sembah Tun Perpatih Pandak, “Tuanku, janganlah kita adu, karena jikalau alah seorang takut-takut mengadu duli tuanku dengan paduka adinda.” Maka baginda Seri Rana Pikrama pun tersenyum sebab menengar sembah Tun Perpatih Pandak itu.

Kisah Badang menjadi kuat dengan hanya memakan muntah hantu ini ternyata tidak logik pada akal manusia. Namun demikian, kisah ini tetap juga dipercayai dan disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Oleh sebab itulah kisah ini diklasifikasikan sebagai mitos. Sebagai seorang pengarang karya agung Melayu, sudah tentu mitos ini mempunyai signifikannya yang tersendiri dan tidak dicipta untuk suka-suka atau semata-mata untuk menyedapkan cerita.

Dalam kajian ini, set data akan dikategorikan kepada data utama dan data tambahan. Data utama, iaitu mitos kegagahan Badang setelah makan muntah hantu merujuk petikan teks yang menunjukkan kemuncak plot mitos tersebut bersama fungsinya. Data tambahan, iaitu Badang beradu dengan pahlawan Keling pula merujuk petikan teks dalam perenggan atau bab lain dan data sokongan pula membantu pemahaman dan interpretasi dalam analisis ini. Rajah 1 menunjukkan cara data dalam kajian ini berkait antara satu sama lain. Perkaitan ini melibatkan data utama, data tambahan dan data sokongan yang dianalisis untuk menjelaskan metafora dalam mitos mitos kegagahan Badang.



Rajah 1 Perkaitan data dalam mitos kegagalan Badang.

(a) Pemahaman Melalui Analisis Rangka Rujuk Silang (RRS)

Langkah pertama analisis adalah menggunakan kerangka RRS yang berfungsi untuk membantu pembaca memahami mitos melalui proses perujukan. Proses perujukan ini boleh berlaku sekurang-kurangnya dalam dua ayat selapis sehinggalah boleh melangkaui antara bab dalam satu-satu wacana. Walau bagaimanapun, konvensi pemetaan RRS seperti yang diterangkan sebelum ini hanya ditunjukkan dalam data utama dan data tambahan secara bersendirian manakala perujukan antara data utama dengan data tambahan memadai diterangkan dalam bentuk huraian sahaja. Rajah 2 menunjukkan pemetaan RRS data utama bagi mitos ini.

Frasa gagah dan kuat merupakan maklumat rujukan yang perlu ditafsirkan dalam data ini. Secara seimbangsia, frasa ini seakan-akan tidak mengandungi sebarang kekaburan untuk dicari antesedennya. Namun demikian, perujukan silang antara data utama dengan data tambahan menunjukkan adanya metafora di sebalik mitos ini. Dalam konteks data utama ini, frasa gagah dan kuat telah dibantu oleh premis-premis tambahan seperti kayu besar-besyar itu semua habis dibantunya, kayu yang *sepemeluk dua pemeluk itu, dengan sebelah tangannya juga*

Setelah demikian maka kata Badang pada hantu itu, “Berilah aku ****gagah dan kuat* ***

supaya segala kayu yang besar-besar itu kubantunkan juga patah dan segala kayu yang
↑
sepemeluk dua pemeluk itu dengan sebelah tanganku juga kubantunkan.”

Maka segala *kayu besar-besar itu semua habis dibantunnya* dan habis patah-patah
↓
dan segala *kayu yang sepemeluk dua pemeluk* itu pun *dengan sebelah tangannya juga*
↓
dicabutnya, semuanya *terbantun dengan akar-akarnya*; dan segala kayu yang kecil-kecil
↓
itu semua *dikipaskannya dengan tangannya* juga, *habis berpelantingan*. Maka dengan
↓
sesa'at itu juga *rumpun yang besar itu habis menjadi padang*, tiada terkira-kira lagi luasnya.

Maka kata tuan(nya), “Betapa perinya engkau menebang dia maka sangat amat suda(h)
nya ini, dengan luasnya saujana mata menentang?” Maka oleh Badang segala perihal
ehwalnya semuanya dikatakannya kepada tuannya. Maka oleh tuannya Badang itu
dimerdehekannya.

↓
Setelah terdengarlah oleh baginda Seri Rana Wikrama maka disuruh baginda
panggil Badang itu, dijadikan baginda *hulubalang*.

Rajah 2 Pemetaan RRS data utama mitos kegagahan Badang.

dicabutnya, terbantun dengan akar-akarnya, dikipaskannya dengan tangannya, habis berpelantingan, dan rumput yang besar itu habis menjadi padang menunjukkan kekuatan dan kegagahan Badang adalah sangat luar biasa. Pokok-pokok yang dicabut oleh Badang bersaiz besar sehingga dua pemeluk manusia dewasa, dan itu pun dicabut hanya dengan sebelah tangan dan berserta akarnya sekali. Ternyata, kegagahan Badang telah membantunya untuk melaksanakan kerjanya dengan begitu cepat sehingga dikagumi oleh tuannya sendiri.

Leksikal *dimerdehekannya* dan *hulubalang* turut dipautkan dengan maklumat rujukan kerana kedua-duanya diperoleh Badang akibat kegagahannya. Disebabkan kagum dengan kegagahan dan tugas yang disediakan oleh Badang, maka tuannya memerdehakannya. Badang juga dilantik menjadi hulubalang raja disebabkan kisah kegagahannya telah

sampai kepada raja. Pada tahap ini, maklumat rujukan sudah boleh ditafsirkan maknanya, iaitu *kuasa*. Seseorang yang bebas dan merdeka mempunyai kuasa sekurang-kurangnya kepada dirinya sendiri berbanding seorang yang bertaraf hamba. Seseorang yang berjawatan hulubalang mempunyai kuasa yang besar untuk mengepalai barisan ketenteraan negara. Premis tambahan yang merupakan sebahagian daripada konteks yang dibekalkan oleh pengarang telah berjaya membantu pembaca menemukan anteseden tersebut. Seperti dinyatakan sebelum ini, metafora mitos kegagahan Badang ini tidak dapat difahami sekiranya tidak dirujuk silangkan kepada data tambahan. Data tambahan ini membantu mengembangkan konteks sehingga pembaca berjaya mampu memahami bahawa mitos ini mempunyai lapisan metafora yang perlu diinterpretasikan dengan lebih mendalam. Rajah 3 menunjukkan pemetaan RRS data tambahan I.

Setelah kedengaranlah ke Benua Keling ada hulubalang Raja Singa Pura, Badang namanya, *terlalu gagah*. Adapun pada Raja Benua Keling pun ada seorang pahlawannya, terlalu gagah. ...Maka titah Raja Benua Keling pada pahlawan itu, "Pergilah engkau ke Singa Pura,*** *lawan olehmu hulubalang Singa Pura itu bermain****.

...Maka baginda Seri Rana Wikrama pun keluar diadap orang. Maka pahlawan Keling itu pun mengadap. Maka disuruh raja *bermainlah dengan Badang*. Maka Badang mainnya, *tewas juga pahlawan Keling itu* oleh Badang. Maka ada sebuah batu di hadapan balairung itu, terlalu amat besar. Maka kata pahlawan Keling pada Badang itu, "Marilah kita *berkuat-kuatan* mengangkat batu itu, *Barang siapa tiada terangkat olehnya, alah.*"

Maka sahut Badang, "Baiklah, angkatlah oleh tuan hamba dahulu." Maka diangkatnyalah oleh pahlawan Keling itu, *tiada terangkat*. Maka disungguh-sungguhinya, terangkat batu itu hingga lututnya, *lalu diempaskannya*.

Maka katanya kepada Badang, "Sekarang pergantian tuan hambalah."

Maka kata Badang, "Baiklah." Oleh Badang batu itu *diangkatnyalah*, batu itu lalu *dilambungnyanya* seraya *dilemparkannya ke seberang kuala Singa Pura*. Itulah batunya yang ada sekarang; ada pada ujung tanjung Singa Pura itu. ...Maka pahlawan Keling itu pun kembali dengan *dukacitanya sebab kemaluan alah melawan* oleh Badang itu.

Rajah 3 Pemetaan RRS data tambahan I mitos kegagahan Badang.

Petikan penuh bagi data ini boleh dirujuk dalam bahagian pemaparan data. Bagi tujuan analisis RRS, data diringkaskan kepada bahagian penting sahaja.

Maklumat rujukan **lawan olehmu hulubalang Singa Pura itu bermain** mempunyai anteseden sebagai makna yang tersirat. Bagi membentuk anteseden tersebut, premis tambahan disediakan oleh pengarang sebagai sebahagian daripada konteks bagi membantu pembaca mentafsirnya. Dalam data ini, seakan terdapat dua pola premis tambahan, iaitu yang pertama menunjukkan kekuatan Badang, iaitu *terlalu gagah*,

Maka sembah Badang, “Tuanku, akan Bendarang pada zaman ini pahlawan gagah, bukan barang-barang perkasyanya, termasyhur pada segala negeri. Jikalau patik alah, tiadakah Duli Yang Dipertuan malu? Pada fikir patik jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mengadu patik dengan dia, baik ia dipanggil pada malam ini, dianugerahi ayapan, supaya patik melihat kelakuannya. ***Jikalau dapat patik lawan, patik melawan dia, jikalau tiada dapat, tuanku tegah kelak patik, jangan diberi main dengan dia.***”

...Adapun Bendarang hampir duduk di sisi Badang. Maka oleh Badang didesaknya Bendarang, maka oleh Bendarang ditindihnya paha Badang dengan pahanya, ditekankannya sungguh-sungguh. Maka oleh Badang ditindihnya pula paha Bendarang. Maka oleh Bendarang hendak diangkatnya pahanya, tiada terangkat.

...Maka sembah Badang, “Tuanku, jikalau dengan daulat Duli Yang Dipertuan dapatlah patik melawan dia. Esok hari tuanku adulah patik dengan dia.”

...Adapun Tun Perpatih Pandak, setelah sampai ke perahu, maka Bendarang berkata pada Tun Perpatih Pandak, “Jikalau dapat dengan bicara tuan hamba janganlah hamba diadu dengan Badang, kalau tiada terlawan oleh hamba, karena ia, pada pemandangan hamba, terlalu perkasa.”

...Maka sembah Tun Perpatih Pandak, “Tuanku, janganlah kita adu, karena jikalau alah seorang takut-takut mengadu duli tuanku dengan paduka adinda.” Maka baginda Seri Rana

Pikrama pun tersenyum sebab menengar sembah Tun Perpatih Pandak itu.

Rajah 4 Pemetaan RRS data tambahan II mitos kegagalan Badang.

diangkatnyalah, dilambungnya, dilemparkannya ke seberang kuala Singa Pura. Seterusnya premis tambahan dalam pola kedua pula menunjukkan kekalahan pahlawan Keling, iaitu *tewas juga pahlawan Keling itu, barangsiapa tiada terangkat olehnya, alah, tiada terangkat, lalu diempaskannya, dukacitanya sebab kemaluan alah melawan*. Dua lagi premis tambahan yang memberikan rujukan penting bagi pembaca ialah *bermainlah dengan Badang* dan *berkuat-kuatan*. Kesemua premis tambahan yang dibekalkan oleh pengarang dalam data ini telah berjaya menjelaskan kekaburan maklumat rujukan dan membentuk anteseden kekuatan fizikal. Kedua-dua frasa *bermainlah dengan Badang* dan *berkuat-kuatan* ini merujuk aktiviti beradu kekuatan dan tenaga secara fizikal, manakala premis tambahan yang lain menunjukkan kemenangan Badang dan kekalahan pahlawan Keling dalam pertarungan tersebut.

Data tambahan II juga melalui proses rujukan silang sebelum metafora mitos ini dapat diinterpretasikan dengan lebih lanjut. Dalam Rajah 4 dipaparkan pemetaan RRS bagi data tambahan ini.

Maklumat rujukan dalam data tambahan II hadir sebagai satu ayat yang lengkap. Hal ini boleh sahaja berlaku kerana mitos ialah wacana. Namun demikian, ayat yang menjadi maklumat rujukan ini mengalami kekaburan dan premis tambahan bertindak sebagai pembantu kepada pembaca untuk memahami bahawa terdapat satu lapisan makna lagi yang boleh ditafsir, lantaran anteseden yang sebelum ini tidak ditemui.

Tiga premis tambahan yang hadir sebelum maklumat rujukan menunjukkan adanya aktiviti penaakulan oleh Badang mewakili negeri Singa Pura. Leksikal *tiadakah, fikir* dan *melihat* dalam premis tambahan ini memperlihatkan kebijaksanaan Badang membuat pertimbangan dengan logik dan rasional. Walaupun Badang seorang hulubalang yang kekuatannya tiada tandingan, malah telah melaksanakan pelbagai titah raja secara sendirian sahaja tanpa memerlukan bantuan orang lain, namun Badang tidak mengikut emosinya. Langkah bijak diambil dengan meminta raja menjemput Bendarang ke majlis ayapan (makan malam) untuk melihat kekuatan lawannya. Setelah Bendarang diuji semasa upacara ayapan, Badang kemudiannya berkeyakinan untuk melawan Bendarang yang disampaikan dalam premis tambahan *dapatlah patik melawan dia*. Keputusan yang dibuat ini juga memerlukan penilaian dan pertimbangan yang bijaksana. Seterusnya, premis tambahan *jikalau alah seorang takut-takut mengadu duli tuanku dengan paduka adinda* juga menunjukkan kedua-dua pihak mengambil langkah menang-menang agar tidak berlaku

konflik antara dua buah kerajaan. Setelah dibantu oleh premis tambahan tersebut, makna kekuatan intelek dan emosi yang pada awalnya tidak dapat dilihat dengan jelas telah dapat dikesan.

(b) Pengukuhan Melalui Aplikasi Konsep *Ad Hoc*

Langkah pertama dalam analisis *ad hoc* ini adalah untuk memahami bentuk logik pada tahap semantikanya. Leksikal atau frasa ini dikeluarkan daripada eksplikatur kerana menjadi rujukan penting atau menjadi inti kepada metafora mitos tersebut. Analisis ini dinamakan sebagai analisis eksplikatur – bentuk logik. Dalam contoh data di atas, leksikal utama yang didapati membawa maksud metafora bagi mitos ini ialah leksikal gagah, kuat, merdeheka dan hulubalang.

Setelah bentuk logik difahami maknanya secara asas, proses pengukuhan maklumat ensiklopedia pula mengambil tempat dalam analisis ini. Pada peringkat ini, maklumat ensiklopedia pembaca memainkan peranan yang penting. Segala maklumat seperti andaian

Jadual 1 Analisis eksplikatur – bentuk logik data utama mitos kegagahan Badang.

Eksplikatur	Bentuk Logik
Gagah dan Kuat	GAGAH = kuat, mempunyai tenaga, bertenaga. (Ensiklopedia Global Edisi Milenium, 2001) KUAT = 1. banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap. 2. mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu (<i>Kamus Dewan</i> , 2010)
Merdeheka	MERDEHEKA= (merdeka) bebas (drpd penjajahan, kurungan, naungan, dll), lepas (drpd tebusan, tuntutan), berdiri sendiri, tidak bergantung pd yg lain
Hulubalang	HULUBALANG= ketua pasukan askar, pemimpin pasukan (<i>Ensiklopedia Global Edisi Milenium</i> , 2001)

lazim, maklumat saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian serta pengalaman akan membentuk maklumat ensiklopedia yang berbeza antara individu dengan individu yang lain. Maklumat inilah yang akan mengukuhkan pemahaman pembaca terhadap bentuk logik yang telah difahami maknanya secara umum sebelum ini. Semakin dekat pembaca dengan latar masa dan persekitaran kognitif pengarang, maka semakin mudahlah proses pengukuhan bentuk logik ini terbina dan semakin tinggi tahap relevan yang bakal terbentuk melalui metafora mitos ini. Analisis ini terbentuk seperti yang berikut.

(1) GAGAH DAN KUAT: Maklumat ensiklopedia

- (a) BERKAITAN FIZIKAL MANUSIA
- (b) BERKAITAN KEBOLEHAN DAN KEMAMPUAN
- (c) DIKAGUMI OLEH ORANG LAIN
- (d) KUASA LUAR BIASA

(2) MERDEHEKA: Maklumat ensiklopedia

- (a) BEBAS DARIPADA STATUS HAMBA
- (b) TIDAK DIMILIKI OLEH ORANG LAIN
- (c) TIDAK BERGANTUNG PADA ORANG LAIN
- (d) BERKUASA ATAS DIRI SENDIRI


(3) HULUBALANG: Maklumat ensiklopedia

- (a) PEMBESAR DALAM ISTANA
- (b) BIASANYA DISANDANG OLEH ORANG YANG KUAT FIZIKALNYA
- (c) KETUA HAL EHWAL KETENTERAAN
- (d) BERTANGGUNG JAWAB TERHADAP KESELAMATAN RAJA DAN NEGARA

Dalam analisis pengukuhan maklumat ensiklopedia (1) hingga (3) di atas, pemahaman terhadap frasa gagah dan kuat, merdeheka dan hulubalang dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedia yang diakses daripada minda pembaca. Maklumat ensiklopedia yang terbina membantu pemahaman pembaca ke arah relevan yang ingin dicapai. Berdasarkan teks dan konteks, pembaca tahu bahawa kegagahan yang diperoleh Badang bukanlah kekuatan yang biasa seperti pahlawan yang lain. Kegagahan yang diperoleh daripada muntah hantu dalam mitos ini mempunyai unsur mistik dan magis. Di sinilah pentingnya pembaca memahami budaya Melayu dan latar masa pengarang mencipta mitos ini. Pembaca harus mampu melihat kembali kepada kepercayaan masyarakat Melayu pada waktu itu, dan melalui penghayatan tersebut, mitos ini akan dapat diinterpretasikan dengan berpeda.

Masyarakat Melayu tradisional zaman pra-Islam mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap makhluk halus dan roh. Kepercayaan animisme ini merupakan asas kepercayaan beragama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif. Menurut Harun (2004) masyarakat Melayu tradisional mempunyai kepercayaan kepada roh dan hantu, semangat misalnya semangat padi, perkara sakti atau ajaib, pantang larang dan juga transisi ritual, seperti adat melenggang perut, upacara menanggalkan tali pusat, adat memijak tanah dan lain-lain.


Proses peluasan superordinat mengambil tempat selepas pengukuhan dibuat dengan bantuan maklumat ensiklopedia yang terbina. Proses ini berlaku kerana adanya unsur metafora dalam mitos ini. Proses peluasan dalam konsep *ad hoc* melibatkan penggunaan sesuatu leksikal yang membawa makna lebih umum daripada yang dienkod, sebagai kesan peluasan denotasi yang ditentukan secara linguistik dan dibantu oleh konteks dan maklumat ensiklopedia. Konsep *ad hoc* peluasan ini lebih cenderung digunakan untuk menganalisis makna ujaran bukan literal,



Rajah 5 Laluan Inferens GAGAH DAN KUAT.

bilangannya tak tentu, bentuk kiasan, hiperbola, dan ujaran yang membawa maksud metafora.

Bagi data mitos kegagahan Badang ini, bentuk logik GAGAH DAN KUAT kelihatan jelas dan seakan tidak memerlukan interpretasi lanjut. Namun demikian, disebabkan mitos ini tidak hanya bergantung kepada satu-satu frasa, maka bentuk logik ini boleh difahami dalam konsep fizikalnya sebagai KUASA YANG DISEGANI. Dalam data utama, kekaguman tuannya terhadap hasil kerja Badang dapat dilihat dengan jelas melalui ayat “Siapa menebang perhumaan kita ini? Bangat amat suci.” Tuannya menambah lagi pujian berserta kekaguman terhadap Badang dalam ayat “Betapa perinya engkau menebang dia maka bangat amat sudahnya ini, dengan luasnya saujana mata menentang?”. Konsep asas fizikal KUASA YANG DISEGANI yang khusus bagi kisah Badang ini sebenarnya setelah berlaku proses peluasan, akan menjadi KUASA YANG DISEGANI*. Kuasa pada seorang manusia bernama Badang telah diluaskan kepada kuasa sebuah kerajaan yang dinamakan Singa Pura. Di sinilah peri pentingnya proses perujukan kepada data tambahan, iaitu episod Badang beradu kekuatan dengan pahlawan Benua Keling dan kisah Badang menguji kekuatan Bendarang dari Perlak ketika majlis makan malam. Kisah dalam bab terdahulu apabila Singa Pura menang ketika diserang Maja Pahit juga boleh dirujuk untuk mendapatkan konteks.



Rajah 6 Laluan inferens MERDEHEKA.

Laluan inferens dalam Rajah 6 menunjukkan eksplikatur MERDEHEKA dikonsepsikan kepada konsep fizikal BEBAS yang kemudiannya melalui proses peluasan dan menjadi BE BAS*. BEBAS dalam konsep fizikal merujuk kepada Badang yang tidak lagi bergelar hamba dan perlu mengikut perintah dan suruhan tuannya. Setelah menyaksikan kegagahan Badang, tuannya sendiri dengan senang hati memerdekakan Badang, dan dengan itu Badang berhak membuat keputusan atas dirinya sendiri. Badang mempunyai kuasa terhadap dirinya

sendiri. Dirinya sudah mempunyai nilai dan maruah. BEBAS* pula ialah makna yang dieskpresikan oleh pengarang kepada para pembaca melalui mitos ini, iaitu Singa Pura merupakan sebuah negeri yang bebas dan tidak dijajah oleh mana-mana kuasa. Oleh itu, Singa Pura tidak perlu tunduk atau menghantar sembah kepada mana-mana pemimpin kerajaan yang lain walaupun kerajaan tersebut merupakan sebuah kerajaan yang besar. Hal ini telah diperihalkan oleh pengarang dalam bab IV *SAS*, sebagai mana petikan di bawa:

“Setelah Betara Maja Pahit menengar Singa Pura negeri besar, **rajanya tiada sembah kepada baginda**, maka Betara Maja Pahit pun terlalu amarah”

(Muhammad, 1997, p. 31)

Pengarang ingin menekankan bahawa Singa Pura berpendirian untuk menjadi sebuah negara yang merdeka dan tidak tunduk serta bergantung pada kerajaan lain. Tambahan pula, Maja Pahit juga sudah berjaya ditewaskan ketika menyerang Singa Pura.



Rajah 7 Laluan inferens HULUBALANG.

Seterusnya, eksplikatur HULUBALANG dikonsepsikan kepada konsep fizikal DIIKTIRAF. Kekuasaan Badang telah membantunya menjadi seorang yang merdeka. Setelah itu, kegagahan tersebut juga telah diiktiraf oleh raja apabila Badang dilantik menjadi hulubalang. Badang bukan sahaja gagah dan kuat fizikalnya, malah diberikan kepercayaan untuk menjadi ketua kepada pasukan tentera negara. Jawatan hulubalang merupakan satu jawatan yang penting pada ketika itu kerana belum ada jawatan laksamana. Jawatan laksamana hanya bermula pada era Hang Tuah. (Muhammad, 1997) Oleh itu, hal ehwal keselamatan di darat dan juga di laut adalah di bawah tanggung jawab hulubalang. Hulubalang juga menjadi wakil atau perantara antara pemimpin kerajaan, misalnya hulubalang Maja

Pahit mengetuai serangan terhadap Singa Pura, hulubalang Benua Keling membawa Tuan Puteri Talla Puncadi untuk dikahwinkan dengan anak raja Singa Pura dan hulubalang Syahr Nuwi yang diutuskan untuk menangkap raja Samudera.

Konsep asas fizikal tersebut akan mengalami proses peluasan untuk mencari makna metaforanya, iaitu DIKTIRAF*. Kekuatan Singa Pura telah diiktiraf oleh lawan dan juga kawannya. Selain mengaku kekuatan Singa Pura setelah gagal dalam pertandingan beradu kekuatan, raja Benua Keling juga menunjukkan penghormatannya kepada Singa Pura dengan mengirinkan batu nisan sempena kematian Badang.

Langkah terakhir sebelum makna metafora mitos ini dapat diinterpretasikan selengkapny adalah dengan menyenaraikan inferens yang paling relevan untuk diproses. Berdasarkan analisis RRS, analisis eksplikatur – bentuk logik yang kemudiannya dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedia, dan seterusnya melalui proses peluasan superordinat, lapisan implikatur mitos ini dapat dikesan dengan jelas oleh pembaca. Pembaca dapat memahami bahawa mitos yang dicipta oleh pengarang hanyalah lapisan proposisi yang diekspresikan dan bukannya proposisi yang dikomunikasikan. Yang berikut merupakan senarai inferens yang bakal ditolak dan bakal dipilih oleh pembaca dalam usaha mencapai relevan yang optimum.

(4) Setelah demikian maka kata Badang pada hantu itu, “*Berilah aku gagah dan kuat* supaya segala kayu yang besar-besar itu kubantunkan juga patah dan segala kayu yang sepemeluk dua pemeluk itu dengan sebelah tanganku juga kubantunkan.”

(a) BADANG MENDAPAT KEKUATAN LUAR BIASA SELEPAS MAKAN MUNTAH HANTU

(b) BADANG DILANTIK MENJADI HULUBALANG KERANA KEGAGAHANNYA

(c) KEKUATAN SINGA PURA DISANDARKAN PADA KEGAGAHAN BADANG SEBAGAI HULUBALANGNYA

(d) SINGA PURA SEBUAH NEGARA YANG KUAT, BEBAS DAN DIKTIRAF*

Interpretasi (4)a adalah bersifat literal atau selapis dan tidak mengandung unsur metafora. Oleh itu, andaian ini telah tertolak dengan sendirinya. Pilihan (4)b juga tidak dipilih sebagai makna metafora mitos yang relevan kerana inferens ini tidak mempunyai lapisan metaforanya. Pilihan (4)c menunjukkan adanya aktiviti mental berbentuk metonimi apabila kekuatan Singa Pura dirujuk pada kekuatan Badang, iaitu hulubalanganya. Namun demikian pilihan ini belum lagi membawa kepada makna metafora yang diimplikasikan melalui mitos ini. Melalui andaian kontekstual dan kesan kognitif yang tinggi yang telah diperoleh sebelum ini, pilihan (4)d menghasilkan inferens yang paling relevan dan membawa kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Penting untuk ditekankan sekali lagi bahawa penginterpretasian ini tidak dapat berlaku jika data mitos ini dibaca dan difahami secara terpisah dengan data tambahan dan kisah sebelum dan selepas mitos ini. Misalnya, pengiktirafan yang diberikan kepada Singa Pura oleh Benua Keling dapat dilihat dalam petikan teks berikut.

Setelah Adiraja Rama Mendeliar sudah mati maka anakanda baginda Jambuga Rama Mendeliarlah kerajaan. Maka baginda beranak seorang perempuan, Tuan Puteri Talla Puncadi namanya, terlalu amat baik parasnya. Maka masyhurlah ia pada segala negeri dan segala raja-raja memining dia, tiada diberikannya oleh Raja Jambuga Rama Mendeliar, katanya, “Bukan daripada bangsaku.”

(Muhammad, 1997, p.34)

Namun begitu, apabila Paduka Seri Pikrama Wira menitahkan utusannya untuk memining tuan puteri tersebut, dengan senang hatinya Raja Benua Keling menerima pinangan. Petikan di bawah ini merupakan reaksi Raja Benua Keling terhadap peminangan itu.

Maka Raja Jambuga Rama Mendeliar pun terlalulah sukacita. Maka titah Raja Jambuga Rama Mendeliar pada Maha Indera Bahupala, “Berkenanlah kepada kita akan kehendak saudara kita itu, tetapi janganlah syaudara kita bersusa(h) menyuruhkan anakanda ke mari, biarlah kita mengantarkan anak kita ke Singa Pura.”

(Muhammad, 1997, pp. 34-35]

Jadual 2 Rumusan analisis data mitos kegagahan Badang.

Eksplikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar	Konsep <i>Ad Hoc</i>
Berilah aku gagah dan kuat	Orang yang gagah dan kuat akan dihormati	Singa Pura negara kuat, merdeka dan dihormati	Mengabsahkan kedaulatan asal usul raja-raja Melayu	Peluasan

Berdasarkan data tambahan dan data sokongan daripada petikan-petikan ini, dapat dilihat secara jelas akan penghormatan dan pengiktirafan kepada raja Singa Pura. Perkataan bangsa dalam ayat “bukan daripada bangsaku” menunjukkan asal usul pemerintah Singa Pura, iaitu anak cucu Raja Culan, yang juga keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain. Jadual 2 merupakan rumusan kepada analisis metafora mitos kegagahan Badang ini. Eksplikatur BERILAH AKU GAGAH DAN KUAT dalam lajur paling kiri dapat dikeluarkan andaian implikturnya dan kemudian berdasarkan analisis yang telah dilakukan di atas, kesimpulan implikturnya dapat dibentuk, iaitu Singa Pura negara yang kuat, merdeka dan dihormati. Makna dan fungsi sebenar metafora mitos ini dapat ditafsirkan dengan mudah setelah usaha memproses direndahkan dan kesan kognitif ditinggikan. Ternyata mitos ini dicipta untuk mengabsahkan kedaulatan asal usul raja-raja Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis menggunakan RRS dan konsep *ad hoc* dalam teori Relevans mendapati mitos kegagahan Badang yang dianggap sebagai sebuah cerita dongeng mempunyai makna tersirat. Kisah mitos ini dilihat seakan-akan sebuah cerita yang bersifat selapis dan tidak mempunyai sebarang kekaburan mahupun kiasan, namun hasil analisis yang dilakukan, ternyata makna tersirat yang lebih mendalam dapat diinterpretasikan. Penginterpretasian juga tidak memadai tanpa proses rujuk silang antara data utama dengan data tambahan yang kemudiannya diperkukuh oleh data sokongan. Selain itu, analisis konsep *ad hoc* juga membantu interpretasi dilakukan dengan berpada terutamanya dalam proses mengeluarkan maklumat ensiklopedia,

proses peluasan konsep fizikal kepada konsep super ordinat dan seterusnya proses membuat kesimpulan implikatur.

Dapatan kajian juga membuktikan bahawa mitos kegagahan Badang merupakan sebuah metafora yang berfungsi mengabsahkan kedudukan raja dan kerajaan Singa Pura. Singa Pura yang nama asalnya Temasik dibina tanpa bantuan mana-mana pihak oleh rajanya. Singa Pura juga merupakan asal usul kerajaan Melayu Melaka sebelum Sultan Iskandar Syah membawa diri dan menemui kawasan yang diberi nama Melaka itu. Oleh itu, amat penting kehebatan dan kegemilangan Singa Pura ditonjolkan supaya kehebatan itu dapat dilihat berkesinambungan sehingga zaman kesultanan Melayu Melaka. Kehebatan dan kegemilangan ini meyakinkan rakyat akan kedaulatan raja-raja Melayu dan kesannya rakyat akan menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

KESIMPULAN

Dengan menggunakan pendekatan teori Relevans (TR), iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep *ad hoc*, serta memanfaatkan data yang digunakan daripada teks *SAS*, iaitu kisah mitos kegagahan Badang, metafora pengabsahan ditemui. Di sebalik mitos kegagahan Badang yang telah berjaya disampaikan dengan baik oleh pengarang *SAS*, Singa Pura dipaparkan sebagai kerajaan Melayu yang kuat merdeka dan dihormati tanpa menyinggung mana-mana pihak sama ada pihak raja, rakyat mahupun kerajaan lain seperti benua Keling, Perlak dan Majapahit.

Pengarang Melayu tradisional ternyata memiliki kemahiran berbahasa yang hebat dan mengagumkan kerana mampu mengolah metafora mitos dalam menyampaikan maksud yang sebenar. Tindakan pengarang adalah sangat bijak dan rasional demi menjaga kesejahteraan raja dan negerinya. Sehubungan itu, karya Melayu tradisional harus dihargai dan terus dikaji serta diambil manfaat oleh generasi hari ini.

RUJUKAN

- Ahmad Sarji Abdul Hamid. (2011). Hang Tuah di dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu. *Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Karya Agung Melayu Sulalat Al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah*. Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. 1-2 November 2011, pp. 194-201.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM Press.
- Bottoms, J. C. (1965). Some Malay Historical Sources: A Bibliography Note. Dalam Soedjatmoko, Mohammad Ali, Resink, G. J., & G. Mc T. Kahin (Eds.). *An Introduction to Indonesian Historiography*. New York: Cornell University Press.
- Ding, Choo Ming. (2009). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ensiklopedia Global Edisi Milenium*. (2001). Jil. 18. Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn. Bhd.
- Harun Jaafar. (2004). *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Othman. (2009). *Malay Historical Thought*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jong, P.E Dejosselin. (1964). The Character of the Malay Annals. John Bastin & R. Roolvink (Eds.). *Malayan and Indonesian Studies*. Oxford: The Clarendon Press.
- Kamaruddin M. Said. (2007). Minda Orientalis dan Minda Pascakolonial: Politik Membaca *Hikayat Hang Tuah*. *Akademika*, 70, 41-56.
- Kamus Dewan*. (2010). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maier, Hendrik M. J. (1988). *In the center of authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. New York: Cornell University.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Pemetaforaan mitos Kebijaksanaan Pengarang Melayu Memahami Khalayak. Nor Hashimah Jalaluddin (Ed.). *Perihal Keintelektualan dan Kepengarangan dalam Teks Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Social Criticism via Myth and Metaphors: An Ad Hoc Analysis. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 118, 265 – 272
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Metafora Kritikan dalam Mitos Peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis Pragmatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 23-50.

- Muhammad Haji Salleh. (1997). *Sulalat-al-Salatin, Yakni Perteturun Segala Raja-raja*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Romance and Laughter in the Archipelago: Essays on Classical and Contemporary Poetics of the Malay World*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanafi, Makmur Harun, dan Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 78-87.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance Communication and Cognition*. Edisi ke-2. Oxford: Blackwell.
- Yusoff Iskandar. (1986). Mitos dan Lagenda sebagai Unsur Penulisan Sejarah Melayu. Zahrah Ibrahim (Ed.). *Sastra Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 14 Mac 2020

Diterima (*accepted*): 28 Mei 2020